

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]

**TARIKH :** 13.10.2014

**SOALAN :**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) dari tahun 2000 hingga 2014 bilangan pelajar yang layak (memenuhi kelayakan minimum) memasuki IPTA setiap tahun; dan
- b) sebab-sebab 50 peratus daripada pelajar-pelajar yang layak memohon kursus IPTA pada tahun 2014 tidak ditawarkan tempat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Secara purata setiap tahun, bilangan pelajar yang memenuhi syarat am universiti dan syarat khas program pengajian yang layak untuk dipertimbangkan bagi mengikuti program pengajian pada peringkat Ijazah Pertama (Sarjana Muda) di IPTA mengikut Sesi Akademik adalah sebanyak 58,000 orang.
- b) Pemilihan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi, dengan menggunakan 90% markah akademik dan 10% markah ko-kurikulum

untuk menjana markah merit calon. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pemohon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira agama, jantina, bangsa, taraf hidup dan tempat tinggal layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat di IPTA.

Penetapan merit tidak hanya melihat kepada pencapaian akademik semata-mata. Penentuan dibuat dengan mengambil kira kedua-dua elemen akademik dan kurikulum pemohon untuk memastikan IPTA melahirkan graduan yang holistik.

Pada masa ini, kemasukan pelajar ke IPTA adalah sangat kompetitif kerana bilangan tempat yang disediakan sangat terhad bagi menampung permintaan yang semakin meningkat. Hanya pemohon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikut susunan merit, pilihan program pengajian yang dimohon mengikut keutamaan, pilihan IPTA serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA.

Proses temu duga juga dilaksanakan di IPTA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi tertentu dan bagi memastikan mereka mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan.

Sesetengah program pengajian bertemu duga mendapati calon gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk mengikuti

program pengajian berkaitan. Sekiranya calon gagal dalam temu duga berkenaan, mereka masih boleh dipertimbangkan untuk mengikuti program pengajian lain dalam pilihan mereka atau sekiranya mereka setuju untuk menerima tawaran selain daripada program pengajian yang dipohon. KPM akan cuba memastikan pelajar ditawarkan tempat berdasarkan kelayakan dan kekosongan tempat di IPTA.

RJM27

**NO. SOALAN: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]**

**TARIKH : 13 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7128**

**SOALAN:**

**Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan inisiatif Kementerian dalam mengatasi budaya rakyat yang tidak hormat terhadap anggota polis di samping tidak memberi kerjasama terhadap pihak polis yang sedang menjalankan tugas.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah berusaha mempertingkatkan kelangsungan imej pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui beberapa inisiatif yang diperkenalkan. Inisiatif-inisiatif ini dipercayai dapat memperkuuhkan kepercayaan rakyat terhadap PDRM, dan secara tidak langsung akan dapat membantu memupuk budaya dan rasa hormat terhadap anggota PDRM. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah:

- i) Pewujudan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) pada untuk 9 Jun 2014 bertujuan melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah secara menyeluruh;
- ii) Pewujudan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM pada 25 Julai 2014 untuk memperkasakan integriti PDRM;
- iii) Melaksanakan program yang berorientasikan masyarakat seperti:
  - a) *Community Policing*, melibatkan aktiviti seperti dialog bersama persatuan penduduk, pameran, sukaneka dan mesyuarat bersama masyarakat setempat.

- b) Rondaan bersama masyarakat di kawasan perumahan, seperti bersama persatuan penduduk untuk mencegah jenayah.
- c) Mewujudkan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) bertujuan untuk bertindak dengan cepat ke atas sesuatu kejadian jenayah dan juga berperanan menjalankan *Stop and Talk* dengan masyarakat bagi memperoleh maklumat untuk menangani masalah jenayah.

Dengan adanya program-program berkenaan, PDRM telah berjaya mewujudkan satu hubungan dua hala dengan masyarakat dalam menangani isu keselamatan dan juga jenayah setempat. Justeru, pemahaman masyarakat terhadap isu keselamatan dapat mencapai matlamat untuk mengatasi persepsi buruk terhadap pasukan polis.

Manakala mana-mana orang dengan sengaja tidak memberi kerjasama terhadap anggota polis berkaitan kejadian jenayah setelah diminta dan dengan sengaja enggan memberikan maklumat walaupun mereka mengetahui maklumat tersebut atau seterusnya menghalang penjawat awam daripada menjalankan tugas-tugasnya dengan sengaja tidak memberikan pertolongan boleh terjumliah kepada kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.